

Jenis Akhbar : Sinar Harian Online  
Tarikh : 17/07/2022  
Edisi / Muka surat : [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)  
Tajuk : 36.8 juta pokok ditanam seluruh negara

## 36.8 juta pokok ditanam seluruh negara

17 Julai 2022



*Noh (enam dari kanan) bersama Takiyuddin (empat dari kiri) menanam pokok sebagai gimik pelancaran Program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok sempena Bulan Koperasi Kebangsaan dan Sambutan 100 Tahun Koperasi di Taman Botani Negara Shah Alam pada Ahad. - Foto Bernama*

SHAH ALAM - Sebanyak 36.8 juta pokok ditanam di seluruh negara setakat ini melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilancarkan pada 5 Januari tahun lepas, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Takiyuddin berkata, lebih 1,000 spesies pokok juga berjaya ditanam dalam tempoh sama menerusi kempen dalam Program Penghijauan Malaysia itu.

"Pada tahun lepas, kempen ini berjaya melepasi sasarannya dan bagi tahun ini, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menasakarkan untuk menanam sebanyak 20 juta pokok setahun.

"Pencapaian kempen ini boleh dilihat dan diperolehi secara terus melalui aplikasi mudah alih 'PENGHIJAUAN MALAYSIA' dan laman sesawang khas [www.100jutapokok.gov.my](http://www.100jutapokok.gov.my)," katanya berucap pada majlis pelancaran Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok sempena Bulan Koperasi Kebangsaan dan Sambutan 100 Tahun Koperasi di Taman Botani Negara di sini pada Ahad.

Takiyuddin berkata, kempen tanam 100 juta pokok itu turut mengajak semua pihak menjayakan gerakan penanaman pokok secara besar-besaran di seluruh negara selain meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan pokok dalam kelangsungan hidup.

Beliau berkata, kempen penanaman satu juta pokok oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yang bermula tahun lepas hingga tahun depan juga selari dengan sasaran kedua Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (2016-2025) iaitu meningkatkan sumbangan serta menggalakkan pihak swasta untuk terlibat dengan pemuliharaan dan pemeliharaan sumber biodiversiti.

"Saya yakin penglibatan 14,834 koperasi yang mempunyai seramai 7.08 juta anggota seluruh Malaysia mampu mencapai sasaran ini seterusnya menjadi pemangkin kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Malaysia.

"Saya turut mengajak Angkasa bagi mendaftar dan merekodkan setiap pokok yang ditanam ke dalam aplikasi 'Penhijauan Malaysia' yang dibangunkan oleh KeTSA sebagai tanda sumbangan dan sokongan terhadap kempen yang sedang dilaksanakan di peringkat nasional," katanya.

Modul tersebut diterbitkan secara kolaborasi antara Angkasa dan Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memulihara hutan dan alam sekitar serta memberi pendidikan asas berkaitan jenis dan fisiologi pokok, konsep tanaman, penjagaan pokok dan penghasilan baja kompos, garis panduan pengukuran tumbesaran pokok dan penyelenggaraan tanaman pokok. –

Bernama